

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**www.ijepec.com**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DAN SIKAP GURU
PELATIH MENGENAI PENDIDIKAN INKLUSIF***THE RELATIONSHIP BETWEEN TRAINEE TEACHERS' KNOWLEDGE AND
ATTITUDES TOWARDS INCLUSIVE EDUCATION*Nur Faqihah Fitriah Mohd Asri¹, Suziyani Mohamed^{2*}¹ Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: A189132@siswa.ukm.edu.my² Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: suziyani@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 30.09.2025

Revised date: 15.10.2025

Accepted date: 13.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Asri, N. F. F. M., & Mohamed, S. (2025). Hubungan Antara Pengetahuan Dan Sikap Guru Pelatih Mengenai Pendidikan Inklusif. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 181-193.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061014

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Pendidikan Inklusif merujuk kepada penyediaan pendidikan bagi murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana supaya mereka dapat mengikuti pembelajaran bersama rakan sebaya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara pengetahuan dan sikap guru pelatih terhadap pendidikan inklusif. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan, dengan soal selidik sebagai instrumen utama yang telah diubah suai daripada kajian terdahulu agar sesuai dengan keperluan kajian ini. Seramai 111 orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di sebuah universiti awam telah dipilih sebagai responden kajian. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A yang mengumpulkan maklumat demografi responden, Bahagian B berkenaan tahap pengetahuan guru pelatih mengenai PPI, dan Bahagian C berkenaan sikap mereka terhadap pendidikan inklusif. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* dengan pendekatan statistik deskriptif seperti min, kekerapan, dan peratusan. Selain itu, analisis korelasi Pearson turut digunakan bagi menentukan hubungan antara tahap pengetahuan dan sikap guru pelatih mengenai pendidikan inklusif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan sikap guru pelatih terhadap pendidikan inklusif adalah tinggi. Selain itu, hasil analisis mendapati wujud hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara pengetahuan dan sikap guru pelatih, yang menunjukkan bahawa semakin tinggi pemahaman seseorang terhadap pendidikan inklusif, semakin positif sikap mereka terhadap pelaksanaannya. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pihak berkepentingan seperti institusi latihan perguruan dan Kementerian Pendidikan Malaysia memperluaskan

pendidikan serta menyediakan latihan yang lebih komprehensif mengenai pendidikan inklusif. Langkah ini dapat memastikan guru pelatih lebih bersedia dan yakin dalam mengaplikasikan pendidikan inklusif di dalam bilik darjah, sekali gus meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program ini dalam sistem pendidikan arus perdana.

Kata Kunci:

Pendidikan Inklusif, Guru Pelatih, Pengetahuan, Sikap

Abstract:

The inclusive education programme refers to the provision of education for pupils with special needs in mainstream classes, enabling them to learn alongside their peers. This study aims to examine the relationship between trainee teachers' knowledge and attitudes towards inclusive education. The research employed a survey design, with a questionnaire as the primary instrument, adapted from previous studies to suit the needs of this research. A total of 111 Bachelor of Education students from a public university were selected as respondents. The questionnaire was divided into three sections: Section A gathered respondents' demographic information, Section B assessed trainee teachers' level of knowledge of inclusive education, and Section C examined their attitudes towards inclusive education. The data collected were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences, employing descriptive statistics such as mean, frequency, and percentage. In addition, Pearson correlation analysis was used to determine the relationship between trainee teachers' knowledge and attitudes regarding inclusive education. The findings revealed that trainee teachers' levels of knowledge and attitudes towards inclusive education were high. Furthermore, the results indicated a significant moderate correlation between knowledge and attitudes, suggesting that the better one's understanding of inclusive education, the more positive their attitude towards its implementation. Therefore, this study recommends that stakeholders, such as teacher training institutions and the Ministry of Education Malaysia, expand exposure and provide more comprehensive training on inclusive education. Such measures would ensure that trainee teachers are better prepared and more confident in applying inclusive education in the classroom, thereby enhancing the effectiveness of the programme within the mainstream education system.

Keywords:

Inclusive Education, Trainee Teacher, Knowledge, Attitude

Pengenalan

Program pendidikan inklusif yang menggalakkan penyertaan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dalam bilik darjah arus perdana telah diiktiraf sebagai amalan penting dalam sistem pendidikan global, termasuk Malaysia. Walaupun usaha untuk memperkukuhkan pelaksanaan pendidikan inklusif semakin digiatkan melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pelaksanaan yang berkesan masih menghadapi cabaran besar. Salah satu masalah utama yang dikenal pasti adalah pengetahuan yang terhad dan sikap negatif yang dimiliki oleh guru terutamanya guru pelatih terhadap pendidikan inklusif. Kajian menunjukkan pengetahuan guru mengenai pendidikan inklusif merupakan faktor utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaannya. Guru dengan pengetahuan yang

mencukupi lebih cenderung untuk melaksanakan strategi pengajaran yang bersesuaian dan dapat memberikan sokongan yang diperlukan oleh MBPK bagi memastikan mereka dapat mengikuti pembelajaran di kelas arus perdana. Walau bagaimanapun, pengetahuan yang terhad mengenai pendidikan inklusif sering menjadi penghalang utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaannya (Norfishah et al., 2018).

Kajian menunjukkan bahawa terdapat isu pengetahuan mengenai pendidikan inklusif yang menyebabkan wujudnya kesukaran dalam melaksanakan pendidikan inklusif dengan betul di bilik darjah (Alias & Majeed, 2020). Guru yang memiliki pengetahuan yang mencukupi tentang strategi pengajaran dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian didapati berkebolehan untuk mempraktikkan kaedah pengajaran yang inklusif dan responsif terhadap keperluan MBPK (Boyle et al., 2020). Saloviita (2020) dalam kajiannya melaporkan bahawa, walaupun dasar pendidikan inklusif semakin berkembang, masih terdapat ramai guru yang tidak mempunyai kefahaman yang mencukupi tentang strategi pelaksanaan pendidikan inklusif yang bersesuaian. Kajian ini turut melaporkan bahawa tahap pengetahuan yang rendah sering menjadi punca keengganan guru untuk mengimplementasikan pendekatan inklusif secara menyeluruh.

Selain pengetahuan, sikap guru terhadap pendidikan inklusif turut mempengaruhi penyediaan persekitaran pembelajaran inklusif. Sikap negatif atau ketidakpercayaan terhadap keberkesanan pendidikan inklusif menyebabkan berlakunya penolakan terhadap perubahan dan menghalang proses inklusif di sekolah (Hameed dan Manzoor, 2019). Antara faktor yang membawa kepada sikap negatif ini adalah kurangnya latihan dan sokongan yang mencukupi dalam memahami konsep serta strategi pendidikan inklusif (Saloviita, 2020). Guru yang tidak mempunyai pengalaman atau pendedahan yang mencukupi mengenai pendidikan inklusif lebih cenderung untuk melihat pendidikan inklusif sebagai satu beban tambahan yang menuntut komitmen mereka dalam pelaksanaan pengajaran (Ibrahim & Abu Talib, 2019).

Di Malaysia, kajian tentang hubungan antara pengetahuan dan sikap guru pelatih mengenai pendidikan inklusif masih terhad. Kebanyakan kajian sedia ada lebih tertumpu kepada guru yang sudah berkhidmat dan bukannya kepada guru pelatih, yang mewakili kumpulan yang akan meneruskan pelaksanaan pendidikan inklusif pada masa hadapan. Sebagai contoh, kajian oleh Boyle et al. (2020) mendapati bahawa walaupun ramai guru di Malaysia memahami konsep asas pendidikan inklusif, mereka masih kurang yakin dalam mengaplikasikan konsep tersebut di dalam bilik darjah. Walaupun kajian ini menawarkan pandangan penting tentang sikap guru, ia tidak meneroka secara menyeluruh hubungan antara pengetahuan dan sikap dalam kalangan guru pelatih di Malaysia.

Kajian ini memberikan gambaran mengenai hubungan antara pengetahuan dan sikap guru pelatih terhadap pendidikan inklusif di Malaysia. Dengan mengkaji pengetahuan dan sikap guru pelatih, kajian ini dapat menawarkan panduan kepada universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pembangunan dan penambahbaikan program latihan perguruan yang lebih berkesan. Penyelidikan ini juga membuka peluang untuk mengetahui kekangan dan cabaran yang mungkin dialami guru pelatih dalam melaksanakan pendidikan inklusif, di samping mencadangkan langkah-langkah praktikal untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya. Menurut Florian (2019), penyediaan latihan berstruktur, bimbingan berterusan, dan sokongan institusi adalah kunci untuk meningkatkan sikap dan pengetahuan guru terhadap pendidikan inklusif. Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif

berikut, (i) mengenal pasti tahap pengetahuan guru pelatih mengenai pendidikan inklusif, (ii) mengenal pasti sikap guru pelatih mengenai pendidikan inklusif, dan (iii) mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dan sikap guru pelatih mengenai pendidikan inklusif.

Kajian Kepustakaan

Pendidikan inklusif merupakan suatu pendekatan yang bertujuan untuk memastikan semua murid, termasuk murid berkeperluan khas, mendapat akses kepada pendidikan yang adil dan berkualiti. Dalam sistem ini, murid berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama rakan sebaya mereka dalam bilik darjah serta persekitaran yang sama (Lee & Sailajah, 2018). Pendidikan inklusif bukan sekadar melibatkan penyertaan fizikal murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana, tetapi turut merangkumi penyesuaian kurikulum, strategi pengajaran, serta penyediaan sumber sokongan bagi memastikan setiap murid, tanpa mengira keupayaan mereka, dapat menerima pendidikan secara efektif dan bermakna. Bahkan, konsep ini tidak hanya memberikan peluang pendidikan, tetapi ianya juga menggalakkan kesedaran dan penerimaan terhadap kepelbagaian individu dalam kalangan warga sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Di peringkat antarabangsa, pendidikan inklusif diakui sebagai prinsip asas hak pendidikan untuk semua. Negara-negara di seluruh dunia telah komited untuk memastikan pendidikan yang berkualiti dan inklusif untuk semua individu, termasuk mereka yang berkeperluan khas, seperti yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 4) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Matlamat pendidikan inklusif adalah untuk merapatkan jurang pendidikan antara murid berkeperluan khas dan rakan sebaya mereka di bilik darjah biasa, di samping menggalakkan penghormatan terhadap kepelbagaian dalam bilik darjah (Florian, 2019).

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pendidikan inklusif telah mendapat perhatian yang lebih di Malaysia. Di Malaysia, usaha untuk memperkukuhkan pendidikan bagi semua lapisan masyarakat, termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBPK), telah menjadi agenda utama kerajaan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025 menonjolkan pendidikan inklusif sebagai keutamaan utama bagi menjamin setiap murid mendapat pendidikan berkualiti tanpa diskriminasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dasar Pendidikan Inklusif di Malaysia menggalakkan integrasi semua murid, termasuk mereka yang berkeperluan khas, dalam persekitaran pembelajaran yang sama seperti rakan-rakan mereka.

Seperti yang dinyatakan oleh UNESCO (1994), pendidikan inklusif menonjolkan kepentingan keadilan sosial dengan memastikan semua murid mempunyai akses yang sama kepada peluang pendidikan, tanpa mengira keperluan atau latar belakang mereka. Penyata Salamanca menyarankan supaya sistem pendidikan di seluruh dunia mengutamakan serta memberi tumpuan kepada penyertaan penuh kanak-kanak berkeperluan khas dalam pendidikan arus perdana (UNESCO, 1994). Ringkasnya, Penyata Salamanca menekankan bahawa kanak-kanak dan remaja yang dikenal pasti mempunyai keperluan khas seharusnya tidak diasingkan daripada mengambil bahagian dalam sistem pendidikan yang direka untuk majoriti kanak-kanak (Florian, 2019).

Selain itu, program inklusif dalam masa yang sama berfungsi untuk membangunkan hubungan sosial serta akademik MBPK, kerana program ini menyediakan peluang untuk mereka berinteraksi sosial dan komunikasi secara berkesan dengan rakan sebaya mahupun orang lain

di persekitaran mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Secara tidak langsung, persekitaran pembelajaran inklusif juga meningkatkan pengalaman pendidikan murid arus perdana dengan mendedahkan mereka kepada pelbagai strategi pengajaran yang memupuk pembangunan kemahiran kolaboratif dan pemikiran kritis. Secara ringkasnya, PPI bukan sahaja memastikan MBPK mempunyai hak yang sama terhadap pendidikan tetapi juga memberi mereka peluang untuk beramah mesra dengan rakan sekelas dan meningkatkan kesedaran di kalangan warga sekolah bahawa ketidakupayaan boleh dikurangkan melalui peluang yang sama.

Walaupun pendidikan inklusif mendapat sokongan dasar yang kuat di Malaysia, pelaksanaannya masih menghadapi banyak cabaran. Kerjasama serta sokongan semua pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan murid berkeperluan khas mendapat pendidikan yang sesuai sangat penting dalam memastikan kejayaan pendidikan inklusif. Begitu juga, sokongan daripada komuniti pendidikan untuk mencipta persekitaran yang lebih inklusif, termasuk latihan berterusan untuk guru, adalah faktor penting dalam memajukan pendidikan inklusif di sekolah-sekolah di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Namun, terdapat satu isu utama yang boleh menjejaskan usaha tersebut ialah kurangnya kesedaran dalam kalangan guru mengenai program pendidikan inklusif itu sendiri. Kajian terdahulu oleh Tajudin dan Abdullah (2022) mendapati bahawa masih terdapat sebilangan guru yang menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang seragam untuk semua murid, walaupun bilik darjah tersebut turut melibatkan murid berkeperluan khas dalam pelaksanaan amalan inklusif. Akibatnya, murid-murid ini sering bergelut untuk mengikuti arahan guru dan sering mengalami kesukaran untuk menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan kepada mereka.

Di samping itu, sikap dan pengetahuan guru mengenai pendidikan inklusif adalah faktor utama dalam menentukan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan program ini (Saloviita, T., 2020). Namun demikian, kajian mendapati bahawa tidak semua guru memiliki pengetahuan yang mencukupi atau sikap yang positif terhadap pendidikan inklusif. Sebilangan guru mungkin masih merasa kurang yakin dan belum bersedia untuk mengajar murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana (Bakar & Nordin, 2024). Hal ini menimbulkan persoalan tentang pengetahuan dan sikap guru pelatih sebagai bakal pendidik di masa hadapan terhadap program pendidikan inklusif.

Dengan kata lain, kebanyakan kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada peranan guru dalam melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Namun, kajian yang membincangkan pengetahuan dan sikap guru pelatih terhadap PPI masih kurang, walaupun mereka juga bakal berhadapan dengan situasi pelaksanaan PPI di dalam bilik darjah kelak. Guru merupakan elemen utama dalam kejayaan pelaksanaan PPI dan memegang peranan yang tidak boleh diabaikan. Kajian yang dijalankan oleh Shamsiah dan Che Azhar (2017) menyatakan bahawa guru yang mempunyai pemahaman kukuh tentang pendidikan inklusif lebih cenderung melaksanakan strategi pengajaran yang berkesan dan memberikan sokongan penting kepada pelajar berkeperluan khas.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan antara pengetahuan dan sikap guru pelatih mengenai pendidikan inklusif. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan mengenai tahap kesediaan serta keperluan latihan yang lebih efektif bagi guru pelatih dalam pelaksanaan program pendidikan inklusif yang lebih berkesan kelak. Dalam pada itu,

kajian ini dapat memastikan mereka bersedia untuk mengimplementasikan pendidikan inklusif secara berkesan apabila mereka berkhidmat. Dengan menyediakan latihan yang lebih baik dan sokongan praktikal yang lebih sesuai, diharap pendidikan inklusif di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang adil dan setara untuk semua murid.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada pendekatan sistematik dan berstruktur dalam mengumpul serta menganalisis data, yang disusun dengan perancangan yang teliti dan melibatkan pelbagai pemboleh ubah dalam kajian (Chua Yan Piau, 2006). Dalam erti kata lain, reka bentuk adalah perancangan yang disusun dengan teliti bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menganalisa data selaras dengan objektif penyelidikan. Selye (1976) menegaskan bahawa dengan penyediaan yang betul, proses mengumpul dan menganalisis maklumat dapat dijalankan secara sistematik dan kos efektif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memperoleh maklumat daripada responden dengan meminta mereka mengisi borang soal selidik yang disediakan. Pendekatan ini lebih mudah dan menjimatkan kos berbanding kaedah yang lain. Pemboleh ubah yang terlibat ialah pengetahuan dan sikap mengenai Program Pendidikan Inklusif.

Populasi dan Sampel

Populasi adalah sekumpulan individu dengan jumlah yang besar untuk dianalisis dalam sesuatu kajian (Mohd Yusof, 2005). Manakala persampelan merujuk kepada proses memilih sampel daripada populasi yang telah ditetapkan (Sekaran, 2003). Adalah penting untuk memastikan sampel mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi (Mohd Yusof, 2005). Dalam penyelidikan, sampel memainkan peranan penting, terutamanya dalam kajian kuantitatif. Kajian ini dijalankan di sebuah Fakulti Pendidikan di sebuah universiti awam. Jumlah pelajar yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di fakulti tersebut adalah seramai 1009. Teknik persampelan rawak mudah telah digunakan dalam pemilihan sampel kajian dan penentuan saiz sampel pula dilakukan menggunakan perisian G*Power. Berdasarkan analisis G*Power, jumlah responden yang diperlukan bagi kajian ini adalah seramai 111 orang.

Analisis ke atas maklumat demografi responden mendapati, 62.2% responden yang telah menjawab soal selidik adalah pelajar perempuan dan 37.8% lagi adalah pelajar lelaki. Bagi item umur, 72.1% responden berumur 21 hingga 24 tahun, 15.3% berumur 18 hingga 20 tahun dan 12.6% berumur 25 tahun ke atas. Manakala analisis ke atas item bidang pengajian mendapati, 64.0% responden adalah pelajar daripada program Pendidikan Khasn, 18.9% responden adalah pelajar daripada program Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, dan baki 17.1% responden adalah pelajar daripada program Pengajaran Bahasa Inggeris. Bagi item tahun pengajian, 55.9% responden yang menjawab soal selidik adalah pelajar tahun 4, 25.3% adalah pelajar tahun 2, 17.1% adalah pelajar tahun 3 dan 11.7% adalah pelajar tahun 1. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi lengkap responden kajian.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Item	<i>n</i>	%
Jantina		
Lelaki	42	37.8
Perempuan	69	62.2

Item	<i>n</i>	%
Umur		
18-20 tahun	17	15.3
21-24 tahun	80	72.1
25 tahun ke atas	14	12.6
Bidang Pengajian		
Pendidikan Khas	71	64.0
Pengajaran Bahas Inggeris	19	17.1
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	21	18.9
Tahun Pengajian	13	11.7
Tahun 1	17	25.3
Tahun 2	19	17.1
Tahun 3	62	55.9
Tahun 4		

Instrumen Kajian

Instrumen bertindak sebagai alat utama dalam sesuatu kajian bagi tujuan pengumpulan data (Ghazali & Sufean, 2016). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik ini mempunyai 21 item dan tiga bahagian. Bahagian tersebut adalah, (i) Bahagian A: Maklumat Demografi, (ii) Bahagian B: Pengetahuan, dan (iii) Bahagian C: Sikap. Soal selidik Bahagian A: Pengetahuan diadaptasi daripada kajian oleh Ibrahim (2019). Manakala soal selidik Bahagian C: Sikap diadaptasi daripada kajian Palaniandy, Nirmala, dan Mohd Yasin (2021). Item dalam Bahagian A merangkumi soalan mengenai jantina, umur, program pengajian dan tahun pengajian semasa. Bahagian B mengandungi 10 item mengenai pengetahuan guru pelatih mengenai pendidikan inklusif. Manakala Bahagian C mengandungi 8 item mengenai sikap guru pelatih terhadap PPI. Respon respon diukur menggunakan skala likert lima mata iaitu, 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju.

Kesahan instrumen kajian ini ditentukan dengan mengukur kesahan kandungan. Seorang pakar dalam pendidikan khas telah dilantik bagi meneliti aspek kesahan kandungan instrumen kajian. Pakar yang dilantik merupakan pensyarah di sebuah universiti awam dengan 15 tahun pengalaman dalam bidang pendidikan khas. Pakar juga mempunyai ijazah doktor falsafah dalam bidang pendidikan khas. Berdasarkan maklum balas yang diterima, pakar bersetuju bahawa item-item yang terdapat dalam soal selidik adalah sah bagi mengukur pengetahuan dan sikap. Namun, pakar ada mencadangkan sedikit penambahbaikan bagi struktur ayat. Soal selidik telah ditambahbaik berdasarkan cadangan yang diberikan oleh pakar telah.

Selain kesahana, nilai kebolehpercayaan juga diukur bagi memastikan instrumen dapat memberikan dapatan yang konsisten setiap kali digunakan untuk mengukur. Satu kajian rintis telah dijalankan bagi mendapatkan nilai Alpha Cronbach instrumen. Kajian rintis telah ditadbirkan di sebuah universiti awam lain dan melibatkan 30 responden. Analisis yang dijalankan mendapati nilai Alpha Cronbach bagi kosntruk pengetahuan adalah 0.617 dan

konstruk sikap adalah 0.897. Nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.6 adalah diterima (Johar, 2000). Oleh itu, soal selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik.

Pengumpulan dan Penganalisaan Data

Proses pengumpulan data telah dijalankan secara talian menggunakan platform *Google Form*. Pautan *Google Form* telah dikongsikan kepada sample kajian menggunakan aplikasi *WhatsApp*. Bagi penganalisaan data, perisian *Statistical Package for Social Science* telah digunakan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dengan mendapatkan nilai min, kekerapan dan standard piawai. Selain itu, statistik infrensi menggunakan ujian korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dan sikap. Dalam analisis Korelasi Pearson ini, tafsiran nilai r adalah seperti yang dinyatakan yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 2: Interpretasi Nilai r

Nilai r	Interpretasi
0.70 hingga 1.00	Kuat
0.30 hingga 0.69	Sederhana
0.00 hingga 0.29	Lemah

Sumber: Jackson (2003)

Dapatan Kajian

Analisis deskriptif yang dijalankan mendapati responden mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi mengenai pendidikan inlusif dengan nilai $M = 4.37$ dan $SP = 0.427$. Analisis deskriptif bagi konstruk sikap pula menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan inklusif dengan nilai $M = 4.25$ dan $SP = 0.649$. Maklumat lanjut mengenai hasil analisis bagi konstruk pengetahuan dan sikap dibincangkan dalam subtopik dibawah.

Pengetahuan mengenai Pendidikan Inklusif

Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan yang sangat tinggi mengenai pendidikan inklusif. Analisis deskriptif yang dijalankan mendapati majoriti responden memberikan maklum balas “setuju” dan “sangat setuju” terhadap sebelas pernyataan berkaitan pengetahuan yang diajukan kepada mereka. Jadual 3 menunjukkan perincian maklum balas responden terhadap pernyataan mengenai pengetahuan pendidikan inklusif.

Jadual 3: Pengetahuan Mahasiswa Mengenai Pendidikan Inklusif

Kod	Item	n (%)				
		1	2	3	4	4
B1	Saya sedar tentang kewujudan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)	0	0	1 (0.9)	14 (12.6)	96 (86.5)
B2	Setiap MBPK mempunyai kebolehan dan potensi masing-masing	0	0	1 (0.9)	16 (14.4)	94 (84.7)
B3	Saya bersedia untuk membantu MBPK dalam apa jua aktiviti akademik dan kokurikulum	0	2 (1.8)	7 (6.3)	23 (20.7)	79 (71.2)
B4	Saya memahami maksud Program Pendidikan Inklusif (PPI)	0	3 (2.1)	15 (13.5)	32 (28.8)	61 (55.0)

Kod	Item	n (%)				
		1	2	3	4	5
B5	Semua kategori murid berkeperluan khas (MBPK) layak mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI)	3 (2.7)	6 (5.4)	21 (18.9)	35 (31.5)	46 (41.4)
B6	PPI tidak menambahkan beban guru aliran perdana sekiranya semua pihak melaksanakan peranan masing-masing	0	1 (0.9)	5 (4.5)	41 (36.9)	64 (57.7)
B7	Strategi khusus PdP amat penting untuk membantu MBPK belajar di kelas inklusif	0	1 (0.9)	5 (4.5)	30 (27.0)	75 (67.6)
B8	Sokongan rakan sebaya dalam kelas Inklusif tidak membantu meningkatkan kemahiran sosial MBPK*	48 (43.2)	31 (27.9)	7 (6.3)	6 (5.4)	19 (17.1)
B9	Susun atur kelas adalah tidak penting kepada MBPK yang mengikuti PPI untuk belajar*	53 (47.7)	31 (27.9)	10 (9.0)	5 (4.5)	12 (10.8)
B10	Guru perlu memberi arahan yang panjang sewaktu mengajar untuk membantu MBPK memproses maklumat*	43 (38.7)	26 (23.4)	17 (15.3)	9 (8.1)	16 (14.4)
B11	Kerjasama antara pentadbir sekolah, guru aliran perdana, guru pendidikan khas dan ibu bapa adalah penting dalam pelaksanaan PPI	0	0	0	10 (9.0)	101 (91.0)

1 = Sangat Tidak Setuju, (ii) 2 = Tidak Setuju, (iii) 3 = Tidak Pasti, (iv) 4 = Setuju dan (v) 5 = Sangat Setuju

Sikap mengenai Pendidikan Inklusif

Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif terhadap OKU. Analisis deskriptif yang dijalankan mendapati majoriti responden memberikan maklum balas “setuju” dan “sangat setuju” terhadap lapan pernyataan berkaitan sikap yang diajukan kepada mereka. Jadual 4 menunjukkan perincian maklum balas responden terhadap pernyataan mengenai sikap terhadap pendidikan inklusif.

Jadual 4: Sikap Mahasiswa Mengenai Pendidikan Inklusif

Kod	Item	n (%)				
		1	2	3	4	5
C1	Saya suka membaca bahan yang berkaitan dengan perkembangan murid berkeperluan khas	1 (0.9)	6 (5.4)	15 (13.5)	42 (37.8)	47 (42.3)
C2	Saya ingin menyertai kursus atau latihan berkenaan dengan PPI bagi meningkatkan ilmu pengetahuan	0	1 (0.9)	8 (7.2)	38 (34.2)	64 (57.7)

Kod	Item	n (%)				
		1	2	3	4	5
C3	Saya sering merujuk dan mencari ilmu berkaitan dengan PPI di dalam media sosial	1 (0.9)	14 (12.6)	21 (18.9)	32 (28.8)	43 (38.7)
C4	Saya suka berbincang dan berkongsi tentang PPI dengan mahasiswa pendidikan khas yang lain	6 (5.4)	10 (9.0)	15 (13.5)	36 (32.4)	44 (39.6)
C5	Saya tidak berasa tertekan untuk mengurus murid pendidikan khas yang mengikuti PPI	1 (0.9)	4 (3.6)	25 (22.5)	29 (26.1)	52 (46.8)
C6	Saya berminat dengan pendidikan khas inklusif kerana peluang yang dibuka untuk melanjutkan pelajaran dan perkembangan kerjaya	0	1 (0.9)	6 (5.4)	44 (39.6)	60 (54.1)
C7	Saya prihatin dan mesra apabila berkomunikasi dengan murid berkeperluan khas	0	0	13 (11.7)	31 (27.9)	67 (60.4)
C8	Saya berpendapat bahawa murid berkeperluan khas yang mengikuti PPI adalah cabaran baharu bagi seorang guru	3 (2.7)	5 (4.2)	11 (9.9)	19 (17.1)	73 (65.8)

I = Sangat Tidak Setuju, (ii) 2 = Tidak Setuju, (iii) 3 = Tidak Pasti, (iv) 4 = Setuju dan (v) 5 = Sangat Setuju

Hubungan antara Pengetahuan dan Sikap mengenai Pendidikan Inklusif

Jadual 5 menunjukkan dapatan analisis korelasi Pearson antara konstruk pengetahuan dan sikap. Dapat analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa mengenai pendidikan inklusif dengan nilai $r = 0.452$ dan $p < 0.001$. Nilai korelasi ini menunjukkan hubungan positif yang sederhana kuat. Di mana peningkatan tahap pengetahuan mahasiswa mengenai pendidikan inklusif menyumbang kepada peningkatan sikap yang lebih positif terhadap pendidikan inklusif.

Jadual 5: Korelasi antara Pengetahuan dan Sikap

	Sikap	
	Sikap	
Pengetahuan	Pearson Correlation (r)	.452**
	Sig. (2-tailed) (p)	<.001
	N	111

***.* Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih mempunyai tahap pengetahuan yang sangat tinggi mengenai program pendidikan inklusif. Dapatan ini menunjukkan keberkesanan program latihan perguruan dalam menyediakan guru pelatih dengan pemahaman yang kukuh mengenai konsep asas pendidikan inklusif, strategi pengajaran, dan keperluan Murid Berkeperluan Khas (MBPK). Ini membuktikan bahawa kurikulum perguruan yang berstruktur dan komprehensif dapat membina asas teori dan amalan yang kukuh bagi bakal guru (Alias et al., 2021). Tahap

pengetahuan yang tinggi ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor. Pertama, peningkatan akses kepada sumber pendidikan seperti teknologi bantu dan bahan rujukan berkaitan pendidikan inklusif (Boyle et al., 2020). Kedua, kesedaran yang semakin meningkat terhadap pentingnya pendidikan inklusif, yang dipengaruhi oleh pelaksanaan dasar kerajaan seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Toran et al., 2016).

Tahap pengetahuan yang sangat tinggi ini menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi melaksanakan pendidikan inklusif di kelas mereka. Sebagai contoh, mereka mampu menggunakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) untuk memenuhi keperluan MBPK dan melaksanakan pendekatan pedagogi yang inovatif. Pemahaman yang baik tentang strategi pengajaran meningkatkan keyakinan guru untuk menangani cabaran dalam bilik darjah inklusif (Alias et al., 2021). Namun begitu, pengetahuan tinggi ini perlu dilengkapi dengan pengalaman praktikal bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pendidikan inklusif dalam situasi sebenar. Terdapat juga keperluan untuk memastikan adanya kesinambungan kesinambungan antara pengetahuan dan amalan di bilik darjah. Disarankan agar program latihan guru meningkatkan peluang pengalaman lapangan, seperti simulasi bilik darjah dan latihan mengajar dalam persekitaran inklusif. Pendekatan ini membolehkan guru pelatih bukan sahaja menguasai teori, tetapi juga menerapkan pengetahuan mereka secara efektif dalam situasi sebenar, sekali gus menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia (Boyle et al., 2020; Alias et al., 2021).

Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih mempunyai sikap yang positif terhadap program pendidikan inklusif. Sikap yang positif ini mungkin dipengaruhi oleh pendedahan kepada konsep pendidikan inklusif semasa latihan perguruan dan kefahaman mereka tentang kepentingan keadilan sosial serta hak pendidikan untuk semua murid tanpa diskriminasi. Kajian terdahulu melaporkan bahawa pemahaman yang jelas tentang konsep inklusif dapat memupuk sikap positif dalam diri guru pelatih (Alias et al., 2021). Faktor lain yang menyumbang kepada sikap positif ini ialah peningkatan kesedaran tentang pendidikan inklusif melalui dasar dan inisiatif pendidikan seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Dasar ini bukan sahaja menggalakkan pendidikan inklusif sebagai amalan pendidikan tetapi juga menyediakan garis panduan untuk pelaksanaannya. Dimana, garis panduan ini dapat meningkatkan keyakinan dan motivasi guru pelatih dalam menyokong MBPK dalam konteks pendidikan inklusif. Disamping itu, sokongan institusi seperti bimbingan daripada pensyarah dan latihan praktikal yang melibatkan MBPK juga menjadi faktor sikap positif guru pelatih terhadap pendidikan inklusif dapat dikukuhkan (Saloviita, 2020).

Walaupun tahap sikap adalah tinggi, adalah penting untuk menterjemahkan minda positif ini kepada amalan bilik darjah yang berkesan. Kajian menunjukkan bahawa guru pelatih yang mempunyai sikap positif lebih cenderung untuk mengamalkan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar, yang boleh meningkatkan keberkesanan pendidikan inklusif (Sharma et al., 2021). Walau bagaimanapun, pengalaman praktikal yang terhad masih boleh menjadi cabaran utama dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pendidikan inklusif. Oleh itu, program latihan perguruan perlu terus memberi penekanan kepada latihan lapangan, simulasi bilik darjah inklusif, dan interaksi langsung dengan MBPK bagi memupuk sikap positif yang disokong oleh pengalaman praktikal yang mencukupi (Toran et al., 2016). Secara keseluruhannya, dapatan bagi konstruk sikap ini menunjukkan potensi besar guru pelatih untuk menjadi agen perubahan dalam melaksanakan pendidikan inklusif. Dengan adanya sokongan berterusan melalui latihan perguruan, bimbingan, dan pengalaman praktikal, sikap positif yang

tinggi ini dapat diterjemahkan kepada pendidikan yang efektif, seterusnya menyumbang kepada keberkesanan pendidikan inklusif di Malaysia.

Dapatan kajian ini menunjukkan wujudnya hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana antara pengetahuan dan sikap guru pelatih terhadap pendidikan inklusif. Guru pelatih yang mempunyai pemahaman yang tinggi mengenai konsep, prinsip dan pelaksanaan pendidikan inklusif cenderung menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap pendidikan inklusif. Pengetahuan yang tinggi dapat meningkatkan keyakinan dan kesedaran guru pelatih tentang kepentingan memupuk persekitaran pembelajaran yang adil dan menyeluruh untuk semua murid, termasuklah murid yang mempunyai keperluan pendidikan khas. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang melaporkan bahawa pemahaman yang menyeluruh tentang pendidikan inklusif menyumbang kepada penerimaan dan kesediaan guru untuk menyesuaikan kaedah pengajaran bagi memenuhi keperluan MBPK (Alias & Majeed, 2020). Sebaliknya, kekurangan pengetahuan boleh membawa kepada sikap negatif.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan sikap guru pelatih terhadap program pendidikan inklusif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru pelatih mengenai pendidikan iklusif berada pada tahap yang sangat tinggi, dengan tumpuan utama diberikan kepada konsep asas dan prinsip pendidikan inklusif. Guru pelatih yang memiliki pemahaman yang lebih mendalam cenderung untuk menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap pendidikan inklusif. Manakala mereka yang kurang memahami keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) menghadapi kesukaran dalam membentuk sikap yang positif. Kajian ini mencadangkan agar institusi pendidikan tinggi dan pihak berkepentingan memperkukuh program latihan guru dengan menumpukan kepada aspek teori, praktikal, dan sokongan berterusan. Langkah-langkah ini penting untuk memastikan guru pelatih lebih bersedia untuk melaksanakan pendidikan inklusif dengan berkesan, yang seterusnya menyumbang kepada kejayaan dalam pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia. Kajian ini memberikan panduan untuk penyelidikan masa depan bagi menilai keberkesanan program latihan dan mengenal pasti strategi terbaik untuk memperkukuh pengetahuan dan sikap guru pelatih mengenai pendidikan inklusif.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan, UKM yang telah memberikan geran (GG-2024-068) untuk penyelidikan ini.

Rujukan

- Alias, N. & Majeed, A. (2020). Peranan pensyarah dalam membentuk sikap dan kompetensi guru pelatih terhadap pendidikan inklusif di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1): 23-34
- Alias, N., Rahman, N. A. & Ismail, H. (2021). Cabaran guru dalam pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia: Satu tinjauan. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran* 45(2): 15-25.
- Bakar, N. H. A., & Nordin, M. N. (2024). The influence of emotional intelligence on job satisfaction of special education integration teachers in secondary schools in Malacca. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8), 67-78.

- Boyle, C., Anderson, J., & Kane, R. (2020). Inclusive education: Global issues and controversies. London: Routledge.
- Chua Yan Piaw. (2006). Asas pendidika penyelidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Florian, L. (2019). On the necessary co-existence of special and inclusive education. *International Journal of Inclusive Education* 1, 1-14.
- Hameed, A., & Manzoor, A. (2019). Teacher preparedness and its impact on inclusive education practices. *Educational Research Journal* 16(4): 276-289.
- Ibrahim, N. (2018). Kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan pendidikan inklusif: Satu kajian literatur. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(3): 55-67.
- Ibrahim, R., & Abd Talib, L. (2019). Teachers' acceptance towards the inclusive education program for students with hearing impairment. *Journal of ICSAR* 3(1): 48-53.
- Jackson, S. L. (2003). Research methods and statistics: A critical thinking approach. Edisi ke-2. Belmont, CA: Thomson Wadsworth.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. In Education, 27(1). <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas (MBK) (Edisi 2018). Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses daripada <https://anyflip.com>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Dasar Pendidikan inklusif: Strategi untuk masa depan. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee, K. C & Sailajah, N. S. (2018). Pendidikan inklusif. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof, O. (2005). Pembinaan Konseptual dalam Pembelajaran di IPT. Dalam Mahasiswa Abad ke 21. Fakulti Pendidikan, UKM, Yayasan Istana Abdul Aziz dan Projek Manara Gading. ISBN 983-2975-25-5. Hlm 113- 130.
- Norfishah M. R. & Mohd Yusof, Z. (2018). Mainstream teachers' competency requirement for inclusive education program. *International journal of academic*
- Palaniandy, N., & Mohd Hanafi, M. Y.. (2021). Tahap Kesediaan Guru Arus Perdana Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif: Tinjauan Di Sekolah Menengah Daerah Gombak. *JDPD*, 3(1).
- Saloviita, T. (2020). Attitudes of teachers towards inclusive education in Finland. *Journal of Educational Research* 64(2): 270-282.
- Sekaran, U. (2003). Research Methods for Business, a Skill- Building Approach, 4th Edition.
- Selye, H. (1974). Stress without Distress. New York: Harper and Row.
- Shamsiah, S. (2017). Guru dan Pendidikan inklusif: Tantangan dan strategi pengajaran berkesan. *Jurnal Pendidikan dan Sosial* 10(1): 70-85.
- Sharma, U., Sokal, L., Wang, M., & Loreman, T. (2021). Measuring the use of inclusive practices among pre-service educators: A multi-national study. *Teaching and Teacher Education*, 107, 103506.
- Tajudin, N., & Abdullah, R. (2022). Kesediaan guru arus perdana terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 9(1): 47-58.
- Toran, H., Norzila, A., & Mansor, M. (2016). Peningkatan pengetahuan guru pelatih melalui latihan praktikal. *Jurnal Pendidikan Khas* 9(2): 12-20.
- UNESCO. (1994). The Salamanca statement and framework for action on special needs education. Adopted by the world conference on special needs education: access and equity. Paris: Author.